

Citra Sosiobudaya Membentuk Kepengarangan Penulis Siam Berdasarkan Cerpen `Champa dan Pintu Gerbang` karya Eh Deng Eh Chik
Socio-Cultural Image Shapes The Authorship Of Siam Writers Based on Short Story of `Champa dan Pintu Gerbang` by Eh Deng Eh Chik

Tuan Rusmawati bt Raja Hassan
rusmawati.rh@umk.edu.my

Fakulti Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insan
Universiti Malaysia Kelantan

Received: 20 March 2024; Published: 30 June 2024

Cite this article (APA) as:

Raja Hassan, T. R. (2024). Citra Sosiobudaya Membentuk Kepengarangan Penulis Siam Berdasarkan Cerpen `Champa dan Pintu Gerbang` karya Eh Deng Eh Chik. *Rumpun Jurnal Persuratan Melayu*, 12(1), 21 - 30. Retrieved from <http://rumpunjurnal.com/jurnal/index.php/rumpun/article/view/188>

ABSTRAK

Kepelbagaian budaya di Thailand telah mencipta satu ruang yang cukup besar dalam penghasilan karya kreatif bercitra sosiobudaya yang sarat dengan nilai kearifan tempatan. Penerapan elemen sosiobudaya dalam karya kreatif bukan sahaja berupaya membentuk identiti kepengarangan seseorang, namun pada masa yang sama berupaya membongkar falsafah kehidupan, sistem nilai, kepercayaan, kebudayaan dan sudut pandangan masyarakat yang diceritakan. Transmigrasi masyarakat Siam ke Kelantan bermula seawal pertengahan abad ke-13. Sejak daripada itu, elemen sosiobudaya sering kali melatari idea, gagasan, watak dan perwatakan serta sudut pandangan penulis dari Thailand. Kajian ini meneliti citra sosiobudaya yang terbina dalam *Antologi Cerpen Champa dan Pintu Gerbang* (2022) karya Eh Deng Eh Chik. Di samping itu, penelitian ini menggunakan pendekatan kualitatif berlandaskan analisis kandungan sebagai sumber utama pengumpulan data. Analisis kandungan pula berlandaskan citra sosiobudaya seperti adat perkahwinan, kesenian tradisional, kepercayaan, agama dan perayaan di Thailand. Data-data yang diperoleh akan diuraikan secara analisis deskriptif sebagai topik utama perbincangan bagi melengkapi penelitian ini. Kajian mendapati, elemen sosiobudaya sememangnya menjadi pencetus kepada penghasilan karya kreatif penulis Thailand serta berupaya membentuk identiti kepengarangan. Langgam kepengarangan Eh Deng Eh Chik menunjukkan sensitivitinya mengadun pengalaman sosial ke dalam *Antologi Cerpen Champa dan Pintu Gerbang*. Hakikat ini amat bertepatan dengan fungsi karya sastra yang merupakan hasil interpretasi pengarang mengenai kehidupan dan bukannya hasil transkripsi kehidupan.

Kata Kunci: Cerpen, Citra, Sosiobudaya, Kepengarangan, Penulis Siam

ABSTRACT

The cultural diversity in Thailand has created a significant space for the production of socio-cultural creative works imbued with local wisdom values. The incorporation of socio-cultural elements in creative works not only helps shape the author's identity but also serves to uncover the philosophy of life, value systems, beliefs, culture, and societal perspectives depicted. The transmigration of the Siamese people to Kelantan began as early as the mid-13th century. Since then, socio-cultural elements have often underpinned the ideas, concepts, characters, and perspectives of writers from Thailand. This study examined the socio-cultural images constructed in the Short Story of "Champa dan Pintu Gerbang" (2022) by Eh Deng Eh Chik. Additionally, this research adopts a qualitative approach based on content analysis as the primary data collection source. The content analysis is based on socio-cultural images such as wedding customs, traditional arts, beliefs, religion, and celebrations in Thailand. The data obtained will be analyzed descriptively as the main discussion topics to complement this research. The study finds that socio-cultural elements indeed serve as catalysts for the creation of creative works by Thai writers and help shape authorial identity. Eh Deng Eh Chik's writing style demonstrates his sensitivity in blending

social experiences into the Short Story Anthology "Champa dan Pintu Gerbang." This fact aligns well with the function of literary works, which is the author's interpretation of life rather than a transcription of life.
Keywords: Short story, Image, Socio-cultural, Authorship, Siamese Writer

PENGENALAN

Perkataan "citra" menurut *Kamus Dewan Edisi Keempat* (2007) ialah gambar, lukisan atau arca. Ia juga berkaitan dengan gambaran atau imej peribadi seseorang. Citra juga bermaksud gambaran, cerminan atau gambaran (Ahmad Kamal Abdullah dan Siti Aisah Murad, 2000). Citra juga diertikan sebagai keperibadian atau watak seseorang, sebagaimana tanggapan orang atau pihak lain. Citra juga boleh digunakan untuk menggambarkan tentang sesebuah perkara. Makalah ini ingin meneliti sejauhmana citra budaya Siam dipaparkan dalam karya sastera Melayu agar khalayak dapat menyelami perubahan yang berlaku pada hari ini.

Umum mengetahui, transmigrasi masyarakat Siam ke Kelantan bermula seawal pertengahan abad ke-13. Semenjak awal abad ke-19, Kerajaan Siam tekak melindungi Kelantan daripada ancaman luar. Namun pada tahun 1909, pertalian Siam dan Kelantan terputus kerana Kelantan berada di bawah naungan Inggeris. Pembentukan minoriti etnik Siam di Kelantan adalah berasaskan kepada sejarah penjajahan, pembentukan negara bangsa, konflik dan modenisasi (Suziana Razali, 2020). Statistik bancian yang dijalankan pada tahun 1970 menunjukkan jumlah penduduk Siam di Kelantan seramai 7,070 orang. Ada pendapat lain yang menyatakan bahawa jumlah penduduk selepas itu dalam lingkungan 15,000 hingga 25,000 orang. Dikatakan 80 peratus penduduk Siam Kelantan merupakan petani.

Seiring waktu, pembentukan sosiobudaya dan identiti etnik Siam dan Melayu mengalami percampuran elemen tradisi dan elemen moden. Pemasatan teknologi pada zaman kini didakwa telah melenyapkan sebahagian daripada elemen tradisi dan situasi ini sangat membimbangkan. Elemen tradisi yang kian terpinggir kini diangkat semula sebagai persoalan utama dalam karya sastera. Dikesani, ia merupakan hasil keperihatinan dan sensitiviti penulis Siam Kelantan tentang isu sosiobudaya masyarakatnya. Pengarang bertindak menyaring isu sosiobudaya masyarakat Siam Kelantan yang benar-benar wujud di alam nyata dan menuangkannya kembali ke dalam bentuk karya kreatif dengan garapan kreativiti yang tersendiri. Kecenderungan pengarang dalam mengemukakan semula isu sosiobudaya adalah untuk mengembalikan ingatan kepada khalayak tentang khazanah budaya yang ada dalam masyarakat Siam Kelantan yang kian larut dalam arus kemodenan.

Salah satu karya yang memaparkan persoalan sosiobudaya masyarakat Siam Kelantan ialah *Antologi Cerpen Champa dan Pintu Gerbang* (2022). Karya ini menghimpunkan tujuh orang penulis Siam iaitu Eh Deng Eh Chik, Suwanlerd Pro Poul, Mohd Azli Lee Abdullah, Eh Pon Awang Din, Prasert Eh Chai, E Pian Pro Poul dan Elmee Iput. Menurut E Pian Pro Poul, penulis yang juga editor buku, merangkap Presiden Persatuan Siam Kelantan, Kuala Lumpur dan Selangor (PESILA), proses menghasilkan antologi ini sangat sukar dan mengambil masa yang lama (sejak 2008). Hal ini kerana, majoriti penulis Siam sudah tidak lagi berkarya pada waktu itu. Akhirnya pada 20 Mei 2023, antologi cerpen ini secara rasminya diluncurkan oleh Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Fadhlina Sidek dalam majlis perasmian Festival Bahasa dan Sastera Peringkat Negeri Kelantan di Kolej Vokasional Bachok. Seterusnya antologi ini bersama novel *Phensi* diketengahkan dalam Sesi Bicara Buku Penulis Siam yang menampilkan tiga orang panel iaitu Nordiana Abd Jabar, Tuan Rusmawati Raja Hassan dan Phat Awang Deng.

Dalam konteks kajian, tokoh yang cuba ditekuni aspek kepengarangannya ialah Eh Deng Eh Chik. Beliau merupakan anak kelahiran Kampung Jambu, Tumpat, Kelantan. Eh Deng Eh Chik mendapat pendidikan awal di Sekolah Kebangsaan Padang Mandul dan Sekolah Menengah Tumpat, sebelum meneruskan pengajian di Sekolah Menengah Alam Shah, ChEras Kuala Lumpur. Beliau melanjutkan pengajian di Maktab Perguruan Persekutuan dan kemudiannya mengambil Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (Kepujian) di Universiti Sains Malaysia (USM), Pulau Pinang. Eh Deng Eh Chik berpengalaman sebagai guru sebelum menjawat jawatan Penolong Pengarah Pusat Sumber Pendidikan Negeri Kelantan. Selepas bersara, beliau dilantik sebagai Pegawai Penggerak Masyarakat di Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional. Eh Deng Eh Chik juga aktif dalam bidang politik dan kemasyarakatan.

Menelusuri proses kreatif sebagai seorang sasterawan berdarah Siam Kelantan, Eh Deng Eh Chik pernah menghasilkan beberapa buah kumpulan cerpen persendirian, antaranya *Krathong Berkepala Tiga*,

Tal Sial Tal Bertuah, Penantian di Hujung Senja dan Impian Syurga di Pentas Songkran. Beliau juga mempunyai antologi cerpen bersama penulis lain, misalnya *Meniti Pelangi Senja, Menara 1, Menara 2, Menara 3, Menara 5, Menara 6, pengabdian, dari Pulau ke Pulau, Wakaf, Aura dan Kuala Lumpur*. Selain itu, Eh Deng Eh Chik menulis buku kanak-kanak seperti *Pahlawan Jeram* dan komik *Pahlawan Rimba* selain drama televisyen *Baktimu Guru, Sebutir Pasir di Tapak Kaki, Gulai Rawa, Puteri Santubung dan Puteri Saadong*. Sepanjang penglibatan Eh Deng Eh Chik dalam arean persuratan, beliau pernah memenangi 12 anugerah penulisan cerpen peringkat kebangsaan dan johan Peraduan Drama TV Pendidikan pada tahun 2020.

Makalah ini memberi perhatian terhadap tiga buah cerpen Eh Deng Eh Chik yang termuat dalam *Antologi Cerpen Champa dan Pintu Gerbang* iaitu cerpen “Krathong Kecopong Menora” dan “Impian Syurga di Pentas Songkran”. Cerpen “Krathong Kecopong Menora” antara lain mengisahkan tentang perkahwinan paksa antara Ratri, seorang gadis kurang upaya dan Iwan. Setelah mendapat seorang cahaya mata, Iwan lari ke Kuala Lumpur untuk memulakan perniagaan. Iwan yang jatuh bangkrap dan dihalau isteri barunya kembali semula ke kampung setelah 17 tahun untuk berjumpa dengan anaknya, Ratna. Cerpen “Impian Syurga di Pentas Songkran” mengangkat kisah seorang anak kecil, Jupha yang ditinggalkan ibu bapanya bersama nenek yang lumpuh. Walaupun ibu bapanya kembali setelah 25 tahun meninggalkan mereka, namun kenyatannya sukar untuk diterima oleh neneknya yang cukup berkecil hati. Berdasarkan kedua-dua buah cerpen ini, pengarang didapati mengangkat persoalan adat perkahwinan, kesenian menora dan makyung, ritual agama Budhha, kepercayaan serta perayaan yang mendukung tema sosiobudaya masyarakat Siam Kelantan.

METODOLOGI

Penelitian ini menggunakan pendekatan kualitatif berlandaskan analisis kandungan sebagai sumber utama pengumpulan data. Menurut A.Halim Ali (2019) penyelidikan kualitatif bertujuan untuk memahami fenomena sosial dan tingkah laku manusia yang merupakan objek terpenting dalam realiti sosial yang sebenar atau realiti semula jadi. Analisis kandungan pula berlandaskan citra sosiobudaya seperti adat perkahwinan, kesenian tradisional, kepercayaan, agama dan perayaan di Thailand. Data-data yang diperoleh akan dihuraikan secara analisis deskriptif sebagai topik utama perbincangan bagi melengkapi penelitian ini.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Sosiobudaya dilihat sebagai suatu hubungan masyarakat dengan budaya yang meliputi cara hidup, kepercayaan, sistem nilai, lambang, dan bentuk-bentuk kemasyarakatan serta objek-objek kebendaan yang diwariskan turun-temurun (Dilah Tuah, 2021). Duhan (2015) menyatakan bahawa sastera merupakan peniruan terhadap apa-apa tindakan manusia, serta menyajikan gambaran tentang apa yang manusia fikirkan, perkataan dan perilaku mereka dalam sekelompok masyarakat. Dalam kesusasteraan, terdapat kisah yang dirancang untuk menggambarkan kehidupan dan tindakan manusia melalui watak, perwatakan, tindakan dan reaksi mereka dalam menyampaikan mesej tertentu untuk tujuan pendidikan dan hiburan. Justeru, apa yang dilakukan oleh para pengarang adalah mengangkat peristiwa kehidupan nyata dan menuangkannya kembali dalam karya dengan bancuhan imaginasi dan kreativiti tersendiri. Justeru, sastera dianggap sebagai ungkapan masyarakat. Hubungan antara sastera dan masyarakat adalah dua arah iaitu mempengaruhi masyarakat dan dipengaruhi oleh masyarakat. Justeru, dalam konteks kepengarangan En Deng Eh Chik, elemen sosiobudaya ini berupaya membentuk identiti kepengarangannya yang tersendiri.

Adat Perkahwinan

Perkahwinan bermaksud akad yang menghalalkan lelaki dan wanita untuk hidup bersama dan menetapkan setiap dari mereka hak dan tanggungjawab yang perlu ditunaikan. Allah berfirman dalam Surah *An-Nisa* Ayat 3 bermaksud;

“Dan jika kamu takut tidak akan dapat berlaku adil (bila menikah) anak-anak yatim, maka nikahilah wanita-wanita (lain) yang kamu senangi, dua, tiga atau empat. Tetapi, jika kamu takut tidak dapat berlaku adil, maka seorang sajalah, atau hamba sahaya yang kamu miliki.

Yang demikian itulah yang lebih memungkinkan kamu terhindar dari berlaku sewenang-wenangnya”.

Perkahwinan adalah suatu yang penting dalam kehidupan manusia. Menerusi perkahwinan, manusia dapat memenuhi fitrah kejadian yang berhawa nafsu selain melahirkan zuriat bagi mengekalkan keturunan. Adat perkahwinan berbeza mengikut tempat, bangsa atau negara. Bagi masyarakat Siam, adat perkahwinan dimulakan dengan upacara merisik, bertunang dan seterusnya majlis perkahwinan. Ditemukan, adat ini persis adat perkahwinan dalam masyarakat Melayu. Namun adat yang wujud adalah serapan daripada negara asal mereka iaitu Thailand. Terdapat sebahagian besar masyarakat Siam di Kelantan memilih untuk bertunang dan berkahwin pada hari yang sama. Dalam upacara pertunangan, pihak lelaki meminta persetujuan pihak perempuan berkenaan dengan wang hantaran dan tarikh kahwin.

Biasanya tarikh perkahwinan ditentukan sama ada oleh Tok Bomoh, berdasarkan tarikh ulang tahun atau diadakan selepas musim menuai. Mas kahwin atau *thong mun* (emas dan wang) ditentukan nilainya oleh pengantin perempuan. Majlis perkahwinan pula diadakan secara besar-besaran dan meriah. Sewaktu upacara perkahwinan berlangsung, terdapat *klongjao* (muzik dan tarian tradisi), Tok Bomoh (tukang nikah), patung Buddha dan roh nenek moyang, upacara tepung tawar, benang hidup dan upacara “beri berkat”. Dari segi busana, gaun yang dipakai oleh pengantin perempuan ialah *Chut Thai Pra Yook* yang diubahsuai daripada busana tradisional masyarakat Thai iaitu *Thai Chakri*. Busana ini dipadankan dengan lilitan selendang sutera di bahu atau *sadai*. Sementara itu, pengantin lelaki pula mengenakan *Suea Bhararatcha*. Busana ini turut dipakai oleh pegawai awam dalam majlis-majlis rasmi. Dari segi jemputan, tiada kad kahwin yang diagihkan, sebaliknya kenalan datang secara sukarela. Mengikut adat masyarakat Thai, tetamu perlu memberikan 1000 *bath* kepada pasangan pengantin sebagai bantuan untuk memulakan kehidupan baharu. Diperagakan;

“...pasukan gedombak panjang berkumandang suara ke udara. Pengantin lelaki berpakaian cukup hebat sekali berjalan dengan dipayungi oleh seorang lelaki yang berpakaian ala seorang wira. Kaum wanita yang menjunjung hampir 20 par yang diisi dengan berbagai-bagai jenis makanan dan pakaian yang mengepalai perarakan. Sebuah par besar yang diisi dengan sirih sebanyak tujuh tingkat mengepalai par yang lain...”

(“Kraithong Kecopong Menora”, hlm. 6)

Majlis perkahwinan masyarakat Siam Kelantan melalui amalgamasi, iaitu proses yang berlaku apabila ras atau budaya bercampur dan membentuk jenis budaya dan ras yang baru. Hal ini kerana, kebanyakan daripada kalangan mereka beradaptasi dengan hidup masyarakat Melayu dan Cina. Misalnya, penggunaan par atau pahar dalam rombongan perkahwinan oleh pihak lelaki dan dibalas oleh pihak perempuan adalah serapan daripada adat Melayu. Walau bagaimanapun, keunikan dan kemeriahan perkahwinan masyarakat Siam Kelantan merupakan warisan budaya dan tradisi yang kian dilupakan, khususnya pada zaman Revolusi Industri 4.0 ini. Sebaliknya, adat perkahwinan ini perlu dikekalkan sebagai citra budaya dan adat resam bagi bangsa Siam Kelantan.

Kesenian Tradisional

Keturunan Siam Kelantan memiliki khazanah kesenian yang cukup bernilai iaitu menora dan main puteri. Masyarakat Siam percaya bahawa menora berasal dari Senggora atau Ligor (atau disebut juga sebagai Nakhorn Si Thammarat) (Bahrin Ilia & Mohamad Nazri, 2008). Walau bagaimanapun, masyarakat Siam di Selatan Thailand, Kelantan dan Kedah mengakui bahawa mereka tidak dapat memberikan kepastian mengenai sejarah asal usul seni menora. Shepperd (1972) mengatakan bahawa menora wujud di kawasan Segenting Kra sebelum kedatangan orang Siam dari utara lagi. Menurut Hanapi Dollah (2011) pula, menora persembahan tradisi masyarakat Siam di Selatan Thailand yang berasal dari Segenting Kra. Un Suat Fern (2019) menyatakan, menora berasal dari Narathiwat turut menjadi sebahagian daripada seni budaya negeri Kelantan. Ada sesetengah pendapat menyatakan bahawa menora berasal dari wilayah Melayu lama di kawasan utara semenanjung iaitu di Kedah, Santun, Trang, Krabi, Phuket, Pahng-Nga dan Ranong) serta pantai timur. Kini, menora merupakan persembahan tradisi masyarakat Siam yang tinggal di Malaysia, khususnya di Kelantan dan negeri-negeri utara seperti Kedah, Pulau Pinang dan Perlis.

Dalam *Kamus Dewan Edisi Keempat Edisi Keempat* (2007), menora membawa maksud “sandiwara Siam”. Merujuk kepada perkataan menora, ia seringkali dieja sebagai “manohra”, “manora” atau “nora”. Perkataan manora misalnya berasal daripada kisah Jataka (dalam tradisi Buddha) dimana manusia bernama Phrak Shutron telah jatuh cinta kepada Puteri Kinari (manusia separuh burung). Kisah inilah yang merupakan asas kepada gerak tari yang memperlihatkan penari utamanya, Pak Sitong berperanan sebagai watak Phrak Shuthon menari dengan gerakan tangan yang lincah untuk memikat Manora dan adik-beradik kayangannya.

Di sisi lain, rutin *kongkru* seringkali menimbulkan kekeliruan dalam kalangan umat Islam dan mereka menganggap menora sebagai seni yang berunsur khurafat dan tahyul kerana dipercayai mengandungi jampi serapah. Kelantan adalah sebuah negeri yang pernah mengharamkan persembahan menora. Kemudian pementasannya dalam masyarakat Melayu hanya dihadkan kepada pemuzik dan penari sahaja. Pembabitan masyarakat Siam dan Melayu dalam seni tradisional dapat dikaitkan dengan sejarah Kelantan yang pernah menjadi sebahagian daripada Pattani. Tidak hairanlah seni menora ini diperjuangkan bukan sahaja dalam kalangan masyarakat Siam, bahkan masyarakat Melayu Kelantan.

Menora mempunyai ragam makna bergantung kepada penutur itu sendiri, misalnya mendatari (dance drama), pembaca puisi, pemimpin kumpulan, pelakon atau penari persembahan. Secara umumnya, menora merupakan sejenis teater tari tradisional atau drama tari (drama, nyanyian dan tarian) persis Makyung, Mek Mulung dan Jikey.

Masyarakat Thai mendefinisikan menora sebagai seni persembahan tempatan turun temurun dan pertunjukannya adalah untuk memohon doa, pemburuan, selain perubatan (mengalihkan tanda lahir pada wajah, memulihkan semangat seseorang dan membuang gangguan makhluk halus). Tarian menora dikatakan terpengaruh dengan elemen Buddha. Hal ini kerana, menora sering dipersembahkan di wat (tokong Buddha Siam).

Menora dimasukkan juga sebagai salah satu persembahan kebudayaan. Antara tarian yang biasanya dipersembahkan ialah Tarian Masuk, Tarian Burung Kenari, Tarian Penjuru Besar (Gerak Tari Jalan Angsa), Tarian Penjuru Kecil (Gerak Tari Gajah) Dan Tarian Labah-Labah Menganyam Sarangnya. Paling penting, stamina yang tinggi diperlukan untuk mempersembahkan tarian-tarian ini.

Dalam persembahan menora, ada lebih kurang 12 kisah yang dipertontonkan. Pelakornya akan memainkan watak dan adegan lucu dalam setiap drama tari untuk menarik perhatian penonton. Lim Swee Tin (2020) menyatakan, pementasan menora ditunjangi oleh watak utamanya iaitu Pho Sithong atau Tuk Menora. Kemudian Nang memegang peranan sebagai Inan dan Peran yang berkebolehan melawak serta berfungsi juga sebagai pembantu kepada Pho Sithong dan watak-watak antagonis yang lain. Persembahan menora terbahagi kepada dua segmen iaitu pengenalan dan sandiwara/lakon. Menerusi segmen pengenalan, Pho Sithong akan turun ke taman istana untuk bermain-main dan mengusik dengan Nang sambil melagukan puisi-puisi selama 20 minit. Setelah itu, persembahan diteruskan dengan segmen kedua yang agak panjang. Sekiranya persembahan menora dibuat selama satu malam, ceritanya akan ditamatkan sebelum tengah malam. Walau bagaimanapun, ia masih boleh diteruskan sehingga tiga atau tujuh malam, bergantung kepada tuan rumah. Paling penting, tiada skrip khas ditulis dan semuanya dilakukan secara spontan dan lagu-lagunya harus dihafal.

Dari segi bahasa, persembahan menora menggunakan bahasa Melayu dialek Kelantan hampir sepenuhnya khususnya jika ia dipersembahkan di negeri tersebut. Menora pernah menjadi wadah hiburan dan wacana nilai kehidupan masyarakat Melayu. Di dalamnya sarat dengan kisah-kisah yang berunsur moral dan didikan. Walau pun pada dasarnya menora merupakan satu bentuk hiburan yang mencampur adukkan muzik, gerak tari dan kisah-kisah yang menarik, menora tetap dianggap sebagai hasil kesenian yang bercirikan budaya bangsa. Diperlihatkan;

“...Pasukan menora masih ada? Menora Chom Cahaya Bulan dengar khabar kurang sihat. Menora lain mungkin tiada lagi...”

(“Krathong Kecopong Menora”, hlm. 3)

Tarian menora pada dekad ini diperlihatkan sudah kian pupus dan hanya dipersembahkan dalam acara perkahwinan sahaja. E Pian Pro Poul (2022) yang juga berasal daripada Kampung Jambu, Tumpat menegaskan bahawa pada suatu ketika dahulu kampung ini terkenal dengan kumpulan menoranya iaitu Kumpulan Menora Jambu. Kemasyuran kumpulan ini bukan sahaja di Kelantan dan Terengganu malahan ke wilayah Selatan Thailand. Kumpulan ini turut memenangi pelbagai pertandingan menora. Dikatakan

bahawa, pengarang merupakan anak Tok Menora Eh Chik atau Pho Ke Jan yang merupakan ketua Kumpulan Menora Jambu. Begitu juga dengan kesemua penulis Siam Kelantan dalam *Antologi Cerpen Champa dan Pintu Gerbang*, kesemuanya berdarah menora. Faktor inilah yang menyebabkan Eh Deng Eh Chik mengangkat latar yang dekat dengan diri beliau, iaitu menora.

Pengarang juga seakan cuba membawa khalayak menelusuri keindahan tarian menora itu sendiri. Bermula dengan pakaian penari menora diilhamkan daripada cerita lagenda manusia separuh burung. Penari utama menora akan memakai kecopong iaitu sejenis mahkota tinggi yang diperbuat daripada logam lembut. Terdapat dua jenis mahkota (kecopong) iaitu kecopong Melayu dan kecopong Siam. Kecopong Melayu mempunyai 16 bucu yang didasarnya berbentuk bulat, mempunyai pom-pom, bertelinga runcing dan bersubang. Manakala kecopong Siam mempunyai banyak tingkat dan berbentuk tirus seperti pucuk rebung di bahagian pangkal menanranya. Baju yang dikenakan oleh penari menora berwarna-warni dan mempunyai juraian manik. Namun ada penari menora kini yang memakai baju tanpa lengan bersama-sama kain selendang. Di bahagian punggung terdapat ekor keras manik berjurai (sayap sandang) yang berbucu pom-pom serta diselitkan dengan tali pinggang dan sayap kain lepas. Bagi penari lelaki, mereka akan memakai seluar yang longgar beralas manik berjurai. Penari perempuan pula berpakaian lebih kurang sama dengan penari lelaki namun tidak memakai kecopong. Aksesori yang dipakai sebagai pelengkap busana adalah gelang tangan dan kuku cakar panjang (canggih) yang diperbuat daripada logam lembut sepanjang 2-5 inci dan melentik di bahagian hujung. Sarung kaki separas lutut hanya dipakai oleh penari menora Melayu dan bukannya penari menora Siam.

Menora mempunyai tatacara tertentu sebelum persembahan dimulakan. Penari haruslah membuat upacara menjunjung sembah guru dan menyatakan niat hendak “menghidupkan” menora. Mereka tidak memberitahu dengan mulut sahaja tetapi harus berserta pulut kuning dan kuih muih tradisional. Malam pertama mesti dilakukan dengan penuh adat.

Persembahan menora diiringi oleh sekumpulan pemuzik yang dikenali sebagai panjak seramai lapan hingga 12 orang. Dari segi peralatan pula, terdapat serunai, gendang, geduk, gong, canang, gedumbak, kesi dan cerek. Alat muzik menora mesti bergema ke seluruh kampung, meresap ke dalam jiwa penduduk untuk membangkitkan semangat menora dalam tubuh mereka yang “lena” sekian lama. Menora secara tradisinya dipersembahkan di bangsal-bangsal yang dibuat khusus sama ada di tengah sawah, halaman rumah atau kuil. Menora adalah persembahan yang sering dinantikan apabila tiba perayaan-perayaan tertentu misalnya Loi Kratong.

Selain menora, Mak Yong juga merupakan kesenian yang ada salasilah dari Pattani dan Kelantan. Mak Yong merupakan seni tari yang mengutamakan pergerakan badan, kaki dan tangan mengikut rentak muzik tradisional Melayu Pattani. Mak Yong dipersembahkan untuk tujuan tertentu. Mak Yong merupakan seni persembahan drama dengan kombinasi nyanyian, lakonan dan tarian, selain turut menggabungkan unsur-unsur ritual dalam setiap lagu, cerita dan teks percakapan yang bersahaja. Nama “Mak Yong” ada kaitannya dengan upacara “penyembuhan” pesakit yang dirasuk oleh makhluk halus oleh pawang. Mak Yong turut dipersembahkan sebagai satu bentuk hiburan golongan raja, menghormati semangat padi dan berterima kasih bagi hasil tuaian yang diperoleh.

Berbicara tentang susur galur Mak Yong, ia dipercayai digagaskan oleh Kerajaan Pattani. Usia tarian ini tidak dapat ditentukan secara tepat disebabkan Mak Yong diwarisi secara lisan dalam kalangan masyarakat. Namun dalam *Hikayat Pattani*, dikatakan bahawa tarian ini dibawa masuk sejak 200 tahun yang lalu sebelum tersebar ke negeri-negeri lain. Alat muzik yang digunakan dalam persembahan Mak Yong ialah rebab, 2 biji gendang (ibu dan anak), 2 biji gong (ibu dan anak) dan biola. Setiap satu persembahan cerita mampu meleret sehingga 3 jam. Jika jalan ceritanya panjang, ia akan dipersembahkan beberapa malam sehingga tamat. Penari Mak Yong akan mengenakan perhiasan dan busana yang cantik dan memperagakan kehalusan gerak tari. Ada sesetengah masyarakat berpendapat bahawa, elemen gerak tari Mak Yong mengandungi unsur pemujaan sehingga akhirnya pada tahun 1991, Parti Islam Se-Malaysia (PAS) mengharamkan persembahan di Kelantan.

Setelah 28 tahun diharamkan, Mak Yong membuat kemunculan semula dengan beberapa pengubahsuaian untuk menepati kehendak Kerajaan Negeri Kelantan, misalnya tidak melibatkan wanita dan perubahan pada dialog persembahan. Kini ia menjadi satu tarikan baru di Kelantan, selain dikir barat dan wayang kulit. Di sisi lain, Tarian Mak Yong mendapat pengiktirafan di peringkat dunia sebagai salah satu Karya Agung Warisan Tidak Ketara (Intangible Cultural Heritage) oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO) pada tahun 2005. Turut ditemukan pemaparan kesenian Mak Yong oleh pengarang;

“...Saya akan panggil pasukan menora, pasukan gedombak panjang, pencak silat dan mungkin permainan Makyung Tuk Senik Anak Gajah...”

(“Krathong Kecopong Menora”, hlm. 3)

Eh Deng Eh Chik bukan sahaja mengangkat persoalan kesenian Mak Yong, bahkan turut menyelitkan citra budaya lain iaitu menora dan pencak silat yang merupakan identiti masyarakat di Kelantan. Kini, penggunaan alat muzik gedombak panjang atau gendang panjang Siam (Theut Theung) yang digunakan dalam semua aspek persembahan seni sama ada dalam pelbagai acara dan perayaan kian sepi. Tidak ramai anak muda yang mahu melestarikan permainan alat muzik ini. Begitu juga dengan menora, pencak silat dan Mak Yong yang hanya dipersembahkan di majlis perkahwinan sahaja. Walhal, inilah citra budaya Siam Kelantan yang sangat tinggi nilainya dan menonjolkan wajah masyarakatnya.

Agama Buddha

Ajaran Buddha diasaskan oleh Siddharta Gautama lebih kurang 2500 tahun yang lalu. Kandungan ajaran beliau berkaitan dengan aspek psikologi dan etika yang berhubungan dengan aspek kehidupan. Kini ajaran Buddha merupakan agama keempat terbesar dunia dan penganutnya berada di seluruh dunia. Gautama Buddha mengajar penganutnya tentang hakikat sebenar kehidupan. Ia merangkumi apa yang dapat dilihat dan dirasakan atau apa yang betul dan salah dalam kehidupan. Ia juga tentang bagaimana cara mengawal diri supaya boleh menjadi seorang manusia yang baik. Mengikut ajaran Buddha, tahap pertama adalah mereka perlu membebaskan diri daripada pusingan kelahiran (*Tanasukh al Arwah*) yakni dengan mengamalkan moral (sila) yang tinggi seperti mengelakkan pembunuhan, tidak mencuri, tidak berbohong, mengawal perasaan diri, tidak mengumpat, tidak bersikap materialistik dan sebagainya. Ia diikuti pula dengan renungan, kesedaran, mengetahui kebenaran sepenuhnya dan akhirnya mencapai *Nibbana* (terlepas daripada *Tanasukh al-Arwah*). Dalam agama Buddha, terdapat ajaran-ajaran, rukun-rukun agama, konsep ketuhanan, konsep kenabian, kepercayaan kepada kitab suci, falsafah kehidupan, kepercayaan kepada hari kiamat, konsep Kamma, konsep *Tanasukh al-Arwah* dan konsep *Nibbana*.

Rumah ibadat bagi penganut Buddha adalah wat. Menurut *Kamus Dewan Bahasa Edisi Keempat* (2010), wat bermaksud kuil, tokong atau candi. Di Kelantan, dianggarkan lebih kurang 30 buah perkampungan Siam. Sebahagian besar tinggal di kawasan bersempadan dengan Thailand dan Laut China Selatan. Walaupun menetap di Malaysia dengan majoriti beragama Islam, mereka tidak mempunyai masalah mengamalkan cara hidup seperti orang Thai yang beragama Buddha. Dikatakan terdapat 20 buah wat dan 10 buah pusat pemerintahan sami di Kelantan (Suziana Razali, 2020). Persoalan ritual agama Buddha disisipkan pengarang;

“...Sebelum jamuan diberikan kepada sami, beberapa upacara keagamaan akan dijalankan oleh ketua sami antaranya termasuklah upacara sembahyang, upacara saibath iaitu menderma makanan kepada sami, upacara memandikan sami dan golongan warga emas dan upacara menyerahkan hadiah yang berupa derma kepada sami...”

(“Impian Syurga di Pentas Songkran”, hlm. 20)

Sami atau *biksu*, merupakan golongan yang dihormati dalam kalangan penganut agama Buddha. Hal ini kerana, sami mengabdikan diri untuk agama dan mengajarkan agama itu kepada mereka. Pengabdian diri kepada agama merupakan suatu yang dianggap paling tinggi yang dicapai oleh seseorang manusia atas faktor mereka menyetepikan segala harta benda, pasangan hidup dan duniawi. Namun begitu, para sami bergantung hidup kepada pemberian orang ramai sama ada dalam bentuk makanan, pakaian, rempat berteduh mahupun perubatan. Sumbangan ini merupakan satu cara untuk mendukung sami untuk menjalankan kewajipan mereka. Kini, ajaran Buddha sebagaimana yang diterima oleh masyarakat Siam Kelantan tidak menyentuh hal-hal yang berkaitan dengan ketuhanan, sebaliknya menekankan unsur-unsur ritual. Perkataan ritual bermaksud serangkaian tindakan yang dilakukan sebagai simbolis mereka. Setiap agama ada unsur-unsur ritual yang tersendiri, misalnya solat dan puasa bagi penganut agama Islam. Dalam agama Buddha, unsur ritual yang ditekankan misalnya menjelang *Tri Suci Waisak* iaitu ritual *Yu Fo* (pemandian patung). Ianya dipercayai mampu menghindari perkara buruk dan refleksi diri sebagai seorang penganut yang baik.

Kepercayaan

Dari segi kepercayaan, setiap daripada kaum di seluruh negara mempunyai kepercayaan yang berbeza-beza. Kepercayaan menurut *Kamus Dewan Edisi Keempat* (2007) adalah keyakinan atau sesuatu yang diyakini akan benarnya, sesuatu yang dipercayai turun temurun atau orang yang boleh dipercayai. Masyarakat Siam percaya kepada bomoh. Perkataan bomoh bermaksud tabib yang mengubati orang sakit menggunakan cara atau ubatan tradisional (cara kampung) yang mengandungi jampi serapah seperti pawang, dukun. Bomoh merupakan orang yang dipercayai boleh menyembuhkan pelbagai penyakit khususnya yang berkaitan dengan roh dan kuasa ghaib, misalnya;

“...Tiba di halaman rumah orang kaya Wirat, seorang tokoh bomoh itu menyambut pengantin lelaki dengan membasuh kakinya dan menaburkan beras kunyit lalu mengeluarkan kata-kata dalam bentuk jampi. Bomoh itu kemudiannya membawa pengantin lelaki ke ruang tamu di mana kerusi pengantin lelaki sudah disediakan. Sampai di ruang tamu, pengantin lelaki duduk mengadap bomoh dan di hadapannya diletakkan berpuluh-puluh par. Akhirnya bomoh menyuruh pengantin lelaki ke bilik pengantin perempuan untuk menjemput pengantin perempuan keluar bagi menjalankan upacara perkahwinan...”

(“Krathong Kecopong Menora”, hlm. 6)

Bomoh bukan sahaja berfungsi sebagai dukun yang merawat penyakit berkaitan makhluk halus, tetapi berperanan sebagai “tukang nikah”. Masyarakat Siam Kelantan dilihat masih berpegang kepada kepercayaan karut, namun diyakini benar dan sakral dalam masyarakat penganut agama Buddha.

Perayaan

Thailand merupakan sebuah negara yang mempunyai pelbagai bentuk perayaan. *Songkran* merupakan perayaan air yang disambut dengan menyimbah air kepada orang lain, sama ada kenalan atau orang asing. Ia adalah satu tradisi tahun baru yang diadakan pada 13 hingga 15 April setiap tahun. Biasanya masyarakat akan membeli baldi atau pistol air dan berlawan (menembak air) antara satu sama lain. Jelas bahawa perayaan ini antara yang paling ditunggu-tunggu kerana ia penuh dengan keseronokan dan keterujaan. Dipercayai, adat menyimbah air ini pada asalnya merupakan cara memberi penghormatan kepada orang lain dengan menangkap air “bertuah” yang telah dicurahkan untuk membersihkan patung Buddha. Air tersebut kemudiannya dicurahkan kepada orang lain untuk memberikan “tuah” kepada mereka sekeluarga. Namun kini, perayaan ini disambut sebagai “hari keseronokan” semata-mata. Pada musim perayaan *Songkran*, jalan-jalan utama di Chiang Mai misalnya ditutup selama beberapa hari. Masyarakat Siam Kelantan turut menyambut perayaan ini secara besar-besaran misalnya di wat yang berada di Padang Terbak, Tumpat, Kelantan. Pesta *Songkran* di Malaysia lebih bersifat tradisional dan mengekalkan semangat asal pesta itu dan bukannya untuk tujuan pelancongan.

Perayaan *Loy Krathong* merupakan antara perayaan yang disambut oleh penganut agama Buddha di Thailand. Setiap kali bulan purnama (rujuk takwim qamari Thai), mereka akan mengadakan perayaan ini secara besar-besaran. Perkataan “Loy” bermaksud mengapung dan “Krathong” ialah bekas daun pisang berbentuk teratai. Perayaan ini diadakan bertujuan menzahirkan rasa terima kasih kepada Dewi Air. Mereka menghanyutkan beribu-ribu bekas berbentuk bunga teratai yang mengandungi bunga, duit syiling, lilin dan colok ke sungai/laut. Hal ini kerana mereka percaya bahawa *Krathong* mampu membawa bersama segala dosa, nasib malang dan penderitaan mereka.

Di Pulau Pinang misalnya, perayaan ini disambut di Kuil Wat Chaiya Mangalaram. Ada juga sesetengah masyarakat Thailand yang menyambut perayaan *Loy Krathong* (perayaan air) serentak dengan perayaan *Yi Peng* (perayaan api). Perayaan *Yi Peng* menyaksikan beribu-ribu tanglung dilepaskan ke udara. Pengarang turut memperligatkan perayaan *Loy Krathong* lewat;

“...Salah seorang remaja melaung ke dalam rumah Jupha untuk memberitahu bahawa sami telah tiba untuk memulakan upacara majlis *Songkran*...”

(“Impian Syurga di Pentas Songkran”, hlm. 21)

Jupha menjemput 20 orang sami untuk makan tengah hari di rumahnya. Selepas jamuan makan, upacara kemuncaknya adalah menyimbah air antara satu sama lain termasuk air yang berwarna-warni. Pesta *Songkran* ini tiada kaitan dengan ritual agama. Ia hanyalah pesta adat dan kebudayaan yang disambut secara tahunan (tahun baru). Ia disambut oleh semua penganut Buddha di seluruh dunia. Biasanya pesta ini ditamatkan dengan pertandingan memilih remaja perempuan yang cantik sebagai Ratu Tahunan. Perayaan mandi manda ini turut diraikan oleh masyarakat Myanmar dengan nama *Sankranti*. Di Myanmar, pesta Sankranti diadakan pada 12 April hingga 15 April.

RUMUSAN

Dapat dikatakan bahawa, identiti kepengarangan En Deng Eh Chik bukan sahaja terserlah dari segi gaya penulisannya, malahan dari aspek tema dan persoalan. Pengarang melalui pemikiran dan kaedah penceritaan sangat dipengaruhi oleh persekitaran dan latar peribadi sebagai seorang yang berketurunan Siam Kelantan. Hal bertepatan dengan kenyataan bahawa teks sastera merupakan dokumen budaya kerana di dalamnya terkandung seribu rancak kehidupan manusia yang bersangkutan dengan adat, kepercayaan, cara hidup, pemikiran dan sebagainya.

RUJUKAN

- A. Halim Ali (2019) *Pengetahuan Asas Penyelidikan Dalam Kesusasteraan Melayu*. Klang: MZU Edu Publications
- Ahmad Kamal Abdullah dan Siti Aisah Murad. (2000). *Citra Wanita dalam Sastera Melayu 1930-1990*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Baharin Ilias & Mohamad Nazri Ahmad. (2008). *Cerita-Cerita Menora di Bukit Yong. Kertas Kerja Seminar Kebudayaan dan Komuniti Siam Kelantan*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Dilah Tuah. (2021). Citra Sosiobudaya Membentuk Identiti Kepengarangan Penulis Bumi Kenyalang: Satu Sorotan. *International Social Science and Humanities Journal*. Vol. 4, No. 2:1-14.
- Duhan, Roshni. (2015). The Relationship between Literature and Society. *Language in India*, Vol. 15 Issue 4, 192-202
- Hanapi Dollah. (2011). *Warisan Seni Budaya Siam Kelantan*. Kuala Lumpur: United Selangor Press Sdn. Bhd.
- E Pian Pro Poul (2022) *Champa dan Pintu Gerbang*. (Ed) Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hamidah Yaacob. (1982). *Hiburan Tradisional Kelantan*. Kota Bharu: Perbadanan Muzium Negeri Kelantan.
- <https://katamalaysia.my/culture/tarian-mak-yong-warisan-melayu-sepanjang-zaman/> dicapai pada 30 Jun 2023.
- Khamnuong Sanong. (2003). *Belajar Pembangunan Masyarakat dan Kebudayaan Thai di Utara Malaysia*. Songkhla: Universiti of Thaksin.
- Lim Swee Tin dlm. Muhammad Farid Ahmad Tarmiji. (2020). Gemalai Seni Persembahan Menora. <https://www.kosmo.com.my/2020/10/28/gemalai-seni-persembahan-menora/> dicapai pada 30 Jun 2023.
- Noresah Baharom (edt). (2007). *Kamus Dewan Edisi Keempat*. Kuala Lumpur: Dewan bahasa dan Pustaka.
- Shepard, M. (1972). *Taman Indera: Malay Decorative Art and Pastimes*. Kuala Lumpur: Oxford University.
- Siri Neng Buah. (2016). *Diaspora Orang Siam ke Tanah Melayu*. Kuala Lumpur: Jabatan Muzium Malaysia.
- Suziana Razali. (2020). *Masyarakat Siam Kelantan: Sejarah Kependudukan dan Perkembangan Sosiobudaya*. Tesis Ijazah Sarjana. Universiti Malaysia Kelantan.
- Un Suat Fern. (2019). Menora Seni Budaya Kita. <https://malaysiaaktif.my/2019/03/menoraseni-budaya-kita/> dicapai pada 30 Jun 2023.